

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI (FASA
PERTAMA) TABIKA KEMAS**

**KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN PAROI,
NEGERI SEMBILAN**

**22 OGOS 2016 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 10.30 PAGI**

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Pelancaran Program Tranformasi Tabika KEMAS pada pagi ini.

2. Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapkan juga kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) kerana telah berjaya menganjurkan majlis pada hari ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua hadirin yang hadir terutamanya kepada Pemaju-pemaju Masyarakat Tabika, Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa dan para ibu bapa. Sesungguhnya kehadiran tuan puan ini menunjukkan tuan puan bersedia dan berkomitmen untuk bersama-sama saya dan KEMAS dalam melaksanakan tranformasi Tabika ke arah penyediaan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Program Transformasi Tabika

Pada bulan November 2015, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melancarkan Program Transformasi Luar Bandar. Salah satu transformasi yang akan dilakukan ialah menjadikan Tabika KEMAS sebagai **Tabika Berprestasi Tinggi yang akan menjadi pilihan utama ibu bapa**. Dalam menjayakan hasrat ini, KEMAS telah mengambil **dua (2) langkah utama** dalam merangka strategi pelaksanaannya.

Langkah Pertama : Memberi nilai tambah kepada Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK) sedia ada.

3. Melalui transformasi Tabika Berprestasi Tinggi ini, nilai tambah silibus pembelajaran akan merentasi kurikulum sedia ada bagi memastikan kualiti keberhasilan kanak-kanak akan dapat dipertingkatkan. Penekanan pembelajaran bukan sahaja fokus kepada pengukuhan kemahiran kanak-kanak, tetapi juga

membina keterampilan modal insan agar mereka nanti berupaya untuk menangani cabaran semasa dan akan datang.

4. Oleh itu, **tiga (3) modul utama** akan diperkenalkan iaitu, **Program Penghayatan Pendidikan Islam (PPI), Pemupukan Semangat Patriotik dan Keyakinan Diri.**

1. Program Penghayatan Pendidikan Islam (PPI)

Modul Program Pendidikan Islam (PPI) ini diperkenalkan atas inisiatif semua pihak termasuk ibu bapa yang mahu melihat anak-anak mereka tahu asas-asas Pendidikan Islam. Beberapa aspek yang akan diberi penekanan adalah :

- i) Ibadah
Merangkumi amali wuduk, azan & iqamah, solat fardhu, solat dhuha dan amalan 10 doa-doa harian

- (ii) Al-Quran
Memberi penekanan kepada beberapa perkara antaranya bijak muqquadam, menghafal 10 surah lazim dan tambahan bacaan doa-doa harian antaranya doa untuk ibu bapa dan keluar rumah.

Program ini telah mula dilaksanakan di Tabika KEMAS pada bulan April 2015 sebagai projek rintis dan sebanyak 999 orang PM Tabika telah dilatih. Pada tahun ini, sebanyak 6,000 Pemaju Masyarakat (PM) Tabika telah dilatih bagi melaksanakan modul ini dan menjangkakan bermula tahun 2017 semua kelas yang mempunyai kanak-kanak Islam akan mengguna pakai modul Program Pendidikan Islam (PPI) .

Melalui program ini, kita berharap anak-anak kita di Tabika KEMAS ini akan dapat menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dengan tepat mengikut syariat yang ditetapkan dalam kehidupan seharian.

2. Pemupukan Semangat Patriotik

Kementerian juga telah melihat akan peri pentingnya untuk kita terus menerap dan menyemai semangat jati diri dalam diri anak-anak Tabika. Individu yang ingin kita

lahirkan bukan sahaja mempunyai keinginan kuat dan utuh untuk menjaga dan mengekalkan kesejahteraan dan keamanan negara yang sedang dinikmati, tetapi lebih dari itu mereka akan menjadi seorang individu yang mencintai negara dan sanggup mempertahankan kedaulatan negara dengan ikhlas tanpa memerlukan timbal balas. Oleh itu, berdasarkan konsep Cinta Agama, Cinta Bangsa dan Cinta Negara, KEMAS akan memantapkan Program Pemupukan Semangat Patriotik Tabika.

Modul patriotik pula bertujuan untuk menyemai rasa cinta, hormat dan penghargaan kanak-kanak kepada pemimpin serta Negara. Penekanan ini perlu diberikan tumpuan khusus kerana sekarang ini kita dapat melihat keadaan masyarakat makin hilang perasaan hormat pada pemimpin dan Negara. Mereka mudah terpengaruh kepada budaya negative dari luar dan segelintir sanggup mencemarkan nama Negara bagi mencapai sesuatu yang dihajati. Modul patriotik ini juga akan membantu membentuk keyakinan diri kepada anak-anak kita ini dan melahirkan semangat jati diri yang kukuh dan kental serta dapat menyokong semangat cintakan agama, bangsa dan negara.

3. Modul Keyakinan Diri

Sejajar dengan aspirasi pendidikan ke arah pembelajaran abad ke-21 untuk melahirkan modal insan yang berupaya bersaing diperingkat global, KEMAS telah merangka Modul Keyakinan Diri Kanak-Kanak Tabika KEMAS ke arah melahirkan kanak-kanak yang CERIA, CERDAS dan CERDIK. Modul ini dirangka serta disepadukan berasaskan 6 tunjang yang digariskan dalam Kurikulum Standard PraSekolah Kebangsaan (KSPK), 6 aspirasi murid yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), dan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Bertepatan dengan inisiatif untuk menjadikan Tabika KEMAS sebagai Tabika Berprestasi Tinggi Pilihan Utama Ibu Bapa, "KEMAS..YES I CAN!" merupakan slogan bagi Modul Keyakinan Diri ini. Ianya mencerminkan bahawa kanak-kanak Tabika KEMAS berazam untuk membuktikan mereka adalah anak bangsa yang

mempunyai keyakinan diri, insan yang cemerlang dan akan menjadi pemimpin unggul pada masa akan datang.

Langkah Kedua : Menaiktaraf Kemudahan dan Prasarana

5. Menyingkap kembali sejarah penubuhan tabika KEMAS pada tahun 1970 yang bermula dengan 10 buah kelas Tabika yang dibuka di Selangor. Pada ketika itu, kelas-kelas Tabika KEMAS dibuka dengan menumpang di bangunan awam seperti balai raya dan surau. Kanak-kanak Tabika KEMAS pada masa itu, belajar beralaskan tikar getah di atas simen yang sejuk. Sejak itu, KEMAS berkomitmen untuk menyediakan kemudahan dan prasarana yang lebih kondusif dan selamat untuk pembelajaran yang lebih selesa untuk anak-anak.

6. Untuk itu, bagi tahun 2016 ini, KEMAS telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM13 juta** untuk baik pulih bangunan sedia ada bagi memastikan anak-anak kita dapat belajar dalam keadaan yang kondusif, selamat dan selesa. Adalah diharapkan agar pelaburan tinggi untuk pendidikan awal yang berkualiti tinggi ini akan dapat memberikan pulangan yang tinggi samada dari segi perkembangan ekonomi mahupun perkembangan sosial kehidupan masyarakat akan datang.

7. Selain dari itu, dari 10 buah kelas yang dibuka pada tahun 1970, jumlah ini terus bertambah dari setahun ke setahun sehingga 2016 jumlahnya meningkat kepada 11,183 buah kelas Tabika di seluruh Malaysia. Peningkatan jumlah kelas Tabika ini membuktikan bahawa Tabika KEMAS telah menjadi pilihan utama ibu bapa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Program Latihan Pemantapan Profesionalisme Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS

8. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Tranformasi Program Tabika KEMAS ini, Pemaju Masyarakat (PM) Tabika KEMAS sentiasa diperkasa melalui program latihan pemantapan profesionalisme secara berterusan. Sejak tahun 2006, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang tinggi untuk menghantar Pemaju Masyarakat mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta bagi membolehkan mereka mendapat Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Lanjutan daripada itu, selepas menamatkan pengajian, Pemaju Masyarakat ini akan dilantik atas gred S27.

9. Selain dari itu, bagi Pemaju Masyarakat yang sedang berkhidmat yang telah memulakan kerjaya mereka atas gred yang lebih rendah, juga diberi peluang untuk mengikuti pengajian melalui Program Kursus Dalam Cuti (KDC) di Institut Pengajian Guru (IPG). Kos pengajian ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Kejayaan tidak mungkin dicapai jika tiada kerjasama semua pihak bermula daripada ibubapa, pemaju masyarakat, pemimpin setempat dan jabatan. Di sini saya ingin mengajak kita semua yang berada di hadapan untuk memastikan kejayaan Program Tranformasi Tabika KEMAS ini. Kita semua perlu bekerjasama dan memberikan sokongan kepada pelaksanaan program ini kerana ia merupakan salah satu cara bagi melahirkan bangsa yang cemerlang dan gemilang.

Sebelum mengakhiri ucapan,sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang bekerja keras dalam memastikan modul ini dapat disiapkan dan lancarkan pada hari ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.